

Headline	DRB-Hicom lantik Pengerusi, Pengarah baharu		
MediaTitle	Utusan Malaysia		
Date	14 Apr 2018	Language	Malay
Circulation	171,663	Readership	563,000
Section	Ekonomi	Page No	15
ArticleSize	122 cm <sup>2</sup>	Journalist	N/A
PR Value	RM 7,234		



## DRB-Hicom lantik Pengerusi, Pengarah baharu

**KUALA LUMPUR 13 April** - DRB-Hicom Bhd. mengumumkan pelantikan Datuk Mohammad Zainal Shaari sebagai Pengerusi, berkuat kuasa hari ini.

Syarikat itu berkata, Mohammad Zainal (**gambar**) sebelum ini adalah memegang jawatan sebagai Pengarah Urusan Kumpulan Tradewinds (M) Bhd. sejak Jun 2014.

Sebelum itu, beliau menjawat jawatan Pengarah Eksekutif dan Ketua Pegawai Operasi Khazanah Nasional Bhd. (Khazanah) antara tahun 2004 dan 2013.

"Kami gembira di atas pelantikan Mohammad Zainal dalam lembaga pengarah bagi membantu DRB-Hicom meneruskan usaha untuk meningkatkan perniagaan terasnya.



### DRB-HICOM

"Kepemimpinannya bukan sahaja dapat membantu mengukuhkan hala tuju kumpulan tetapi juga membantu memperkuat fokus strategiknya," katanya dalam kenyataan di Bursa Malaysia di sini semalam.

DRB-Hicom berkata, Mohammad Zainal sebelum ini turut berkhidmat di sebagai lembaga pengarah di Proton Holdings Bhd. dari 2004 hingga 2008 dan Tenaga Nasional Bhd. (TNB) dari 2007 hingga 2014.

"Beliau turut dilantik sebagai Pengerusi Pos Malaysia Bhd., yang juga anak syarikat DRB-Hicom berkuatkuasa 13 April," katanya.